

PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN DALAM SUKU ADAT PERPATIH

oleh
Norhalim Hj. Ibrahim

Pendahuluan

*Bandar orang saya bandarkan,
Padi terhampar di pematang,
Rebah ditimpa daun jerami;
Kabar orang saya kabarkan,
Entah terlebih entah terkurang,
Kalau salah minta ubahi.*

*Ramai orang di kota lama,
Ramai dikala tengah hari;
Dikembang kabar cerita lama,
Untuk diingat dalam hati.*

Pemimpin, lazimnya disebut “orang yang dituakan”. Dalam masyarakat Adat Perpatih pemimpin itu ‘dituakan’ oleh anak buah yang menganggotai kelompok-kelompok kekeluargaan rumpun, ruang, perut dan suku. “Tua” dalam istilah tersebut secara ringkas dan dasar membawa maksud mereka yang tinggi pencapaian dan statusnya daripada orang lain walaupun dalam aktiviti yang sama. Mereka juga mendapat sambutan secara integratif daripada anak buah. Pemimpin Adat Perpatih harus sedar bahawa beliau tidak dilahirkan sebagai pemimpin tetapi:

*Tumbuh kerana ditanam,
Tinggi kerana disanjung,
Besar kerana dipupuk,
Mulia kerana dihormati;
Bukan mencucur dari langit,
Bukan membusut dari bumi.*

Oleh sebab kewujudan pemimpin itu sedemikian, mereka hendaklah dekat dengan orang yang dipimpin, sebagai tercermin dalam perbilangan:

*Jauh tidak berjarak,
Dekat tak berantara.*

Perbilangan ini dengan tegas menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan anak buah jaraknya terlalu minima. Kalaupun berjarak, hanya sekadar “didahulukan selangkah” dan “ditinggikan seranting” untuk memberikan mereka status. Oleh hal yang demikian, pemimpin itu mudah dijangkau atau dicapai dan dihubungi oleh anak buah seperti yang ditegaskan dalam perbilangan:

*Yang didahulukan selangkah,
Yang ditinggikan seranting,
Yang dilebihkan serambut,
Yang dimuliakan sekuku.*

Keadaan ini akan menjalin hubungan yang akrab antara pemimpin dengan anak buah. Keakraban dan kesebatian antara pemimpin dan anak buah ini dituntut oleh adat dan kehendak ini dicerminkan dalam perbilangan:

*Bagai aur dengan tebing,
Bagai kuku dengan isi,
Bagai mata hitam dengan mata putih.*

Dengan demikian pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih ialah individu yang diberikan kepercayaan dan kekuasaan oleh anak buah agar beliau mampu melaksanakan tugas beratnya seperti kata perbilangan:

*Yang diberikan kepercayaan,
Yang diberikan kekuasaan,
Yang diberikan beban berat,
Yang diberikan tanggungjawab,
Yang diikat janji dan sumpah,
Yang disimpai petua amanah.*

Oleh yang demikian, tentulah seseorang pemimpin itu terkemuka dan diutamakan oleh anak buahnya, diberikan penghormatan sesuai menurut alur dan patutnya, sesuai menurut undang-undang dan norma sosial Adat Perpatih atau dalam istilah adat menurut adat nan sebenar adat, adat nan teradat, adat nan diadatkan dan adat istiadat.

Sifat “terkemuka” dan “diutamakan” yang diberikan kepada pemimpin adalah penting bagi menentukan wujudnya keharmonian di kalangan anak buah, menentukan corak

kemajuan dan perubahan masyarakat. Masyarakat perlu pemimpin untuk membentuk corak kehidupan serta memandu masyarakat melaksanakan perubahan dan pembangunan selaras dengan peraturan dan hukum.

Pemimpin dalam Adat Perpatih

Adat Perpatih telah mengelompokkan masyarakat pengamalnya kepada kelompok-kelompok kekeluargaan yang diistilahkan sebagai suku. Secara teori terdapat 12 suku tetapi bilangan ini pada praktiknya berbeza antara satu luak dengan luak yang lain. Suku itu pula boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dipanggil perut, yang pula terpecah kepada ruang dan kemudian kepada kelompok rumpun. Rumpun itu pula mengandungi beberapa buah keluarga dasar.

Setiap kelompok kekeluargaan itu mempunyai pemimpin atau ketua tersendiri yang dipanggil Lembaga (suku), Buapak (perut), Besar (ruang) dan Kadim (rumpun) serta dengan tua rumah sebagai ketua unit keluarga. Tiga kumpulan pemimpin terawal mempunyai gelaran khas. Panggilan kepada ketiga-tiga pemimpin itu juga berbeza iaitu *Datuk* untuk Lembaga dan *Tuk* untuk Buapak dan Besar. Kadim dan Tua Rumah tidak mempunyai gelaran adat khusus melainkan gelaran peribadi yang diperoleh berdasarkan perbilangan:

*Kecil bernama,
Besar bergelar.*

Di samping pemimpin-pemimpin kelompok kekeluargaan di atas, di kalangan masyarakat Adat Perpatih wujud beberapa lagi pemimpin yang jarang diperkatakan dan tidak dikenali oleh masyarakat luar Adat Perpatih. Mereka juga berstatus, berperanan dan bertanggungjawab dalam perjalanan politik dan sosial masyarakat walaupun tidak dipenting pemimpin-pemimpin lain. Antara mereka ialah Kepala Waris, Tua Suku, Orang Besar Luak/Undang/Penghulu, Tua Seadat, dan Tua Seresam.

Satu lagi pemimpin yang jarang sekali diperkatakan dan hanya timbul sekali sekala dan dalam keadaan tertentu pula ialah Ibu Soko. Ibu Soko ialah perempuan tertua dalam satu

kelompok kekeluargaan yang faham akan terombo kelompoknya. Sejauh yang diketahui hanya Luak Inas sahaja yang memberikan gelaran dan status Ibu Waris kepada kaum wanita iaitu Datuk Bentara Betina. Di luak-luak lain, peranan kaum wanita, iaitu pihak yang menjadikan Adat Perpatih unik dan berbeza dengan adat luar, sering diletakkan di belakang tabir. Mereka muncul dan diketengahkan hanya apabila keadaan telah terdesak, khususnya dalam pemilihan dan perlantikan pemimpin adat (lelaki).

Pada dasarnya pemimpin Adat Perpatih boleh dibahagikan kepada dua jenis mengikut peranan iaitu pemimpin politik dan pemimpin sosial. Pemimpin politik ialah Undang atau Penghulu, Lembaga, Buapak dan Besar termasuk Kepala Waris, Orang Besar Luak atau Penghulu atau Undang, dan Tua Suku; dan dalam keadaan tertentu Ibu Soko (Ibu Waris). Pemimpin sosial pula ialah Kadim, Tua Seadat, dan Tua Seresam. Pada hakikatnya, Buapak dan Besar memainkan dua peranan yang boleh dikatakan seimbang iaitu sebagai pemimpin politik dan pemimpin sosial.

Dalam struktur pemimpin Adat Perpatih, kedudukan Penghulu dan Undang berbeza dengan pemimpin-pemimpin yang tersebut di atas. Penghulu dan Undang bertaraf pemerintah sebuah negeri atau luak. Dalam hal kelompok kekeluargaan beliau ialah anak buah kepada Lembaga sukunya. Penghulu dan Undang tidak boleh mencampuri hal pentadbiran sukunya sendiri. Beliau, untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukunya harus dan perlu dengan pengetahuan Lembaga sukunya. Oleh yang demikian kedudukan Penghulu dan Undang maka beliau tidak termasuk dalam perbincangan ini.

Kualiti pemimpin adat

Oleh sebab seorang pemimpin adat mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang lebih daripada ahli-ahli lain atau anak buah maka beliau harus mempunyai kualiti yang diperlukan sesuai dengan kedudukan dan statusnya sebagai pemimpin. Ada sekurang-

kurangnya sembilan (9) kualiti dasar yang harus ada dan diamalkan oleh seorang pemimpin adat¹.

1. **Berakal.** Ini bermaksud seseorang pemimpin itu haruslah orang yang cukup matang untuk membolehkan beliau mempunyai keyakinan bagi memberi pendapat dalam menyelesaikan masalah yang timbul (*tumbuh*) di kalangan anak buahnya.
2. **Kaya.** Haruslah seorang yang kaya daripada segi kebendaan. Di samping itu beliau juga harus *kaya dan miskin pada hati*. Ini bermaksud beliau haruslah seorang yang rendah hati, ramah terhadap sesamanya dan terhadap anak buahnya, sabar, sentiasa berfikir dengan kepala dingin serta dada yang lapang.
3. **Pemurah.** Beliau harus seorang yang pemurah membantu anak buahnya yang berkeperluan, sama ada daripada segi kebendaan mahupun bukan kebendaan.
4. **Berilmu.** Seorang pemimpin adat harus melengkapkan diri dengan segala pengetahuan serta mengemaskinikannya selaras dengan peredaran masa dan persekitaran untuk kepentingan anak buah dan sukunya.
5. **Arif bijaksana.** Pemimpin adat harus seorang yang berwawasan. Dengan demikian beliau cepat dan pantas memahami masalah yang timbul dan cepat lagi pantas pula mengatasinya sebelum sebarang keburukan dan kepincangan berlaku di kalangan anak buahnya.
6. **Jujur.** Seorang pemimpin adat harus menunjukkan sifat positif. Dalam dirinya tidak ada sifat negatif dalam melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab.
7. **Lurus dan benar.** Seorang pemimpin adat harus bersifat benar, tidak bersifat dusta. Kalau beliau seorang pendusta maka hancurlah masyarakat anak buahnya, kemakmuran akan menjauhi kelompok-kelompok kekeluargaannya, kebenaran dan keadilan sukar ditegakkan.

8. **Adil.** Ini bermakna pemimpin adat dalam melakukan sesuatu tindakan mesti berhati-hati dan teliti. Setiap keputusan yang diambil harus dengan kata sepakat, memikirkan sebab dan akibat, atau mengetahui latar belakang daripada sesuatu tindakan dan keputusan yang dilaksanakan.
9. **Berfikir.** Seorang pemimpin adat harus berhati-hati dan cermat dalam berbuat, berkata sehingga tidak merosakkan hati orang lain, dan selalu mempunyai sifat tenang dalam berfikir, dengan menimbang buruk baik akibat sesuatu tindakan.

Konsep pemimpin dan kepemimpinan Adat Perpatih

Berlandaskan pernyataan-pernyataan di atas nyata bahawa pemimpin yang dikehendaki oleh Adat Perpatih ialah individu yang boleh bermuamalah dengan tabiat anak buah dalam melakukan sesuatu yang berkesan terhadap tingkah laku dan mengarahkan mereka menuju matlamat yang nyata dengan cara menjamin kekuatan, kepercayaan dan penghormatan. Kepimpinan dalam Adat Perpatih adalah satu proses menggerakkan sekumpulan anak buah menuju ke sesuatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang bukan paksaan.

Untuk mencapai matlamat ini Adat Perpatih mengajurkan dua konsep kepimpinan iaitu muafakat dan budi. Kedua-duanya merupakan nilai yang asas dalam Adat Perpatih. Sumbangan budi biasanya menerusi pemberian dalam bentuk material, tenaga, hormat menghormati dan sebagainya. Peranan muafakat pula dapat dilihat melalui pencapaian terhadap sesuatu keputusan. Dengan kata lain, kata putus harus diberi oleh setiap anggota yang menghadiri *musyawarah* sama ada dalam adat *berkampung* atau *kerapatan*.

Dalam musyawarah perdebatan harus timbul dan tidak dapat dielakkan. Perdebatan bukan bertujuan untuk menegakkan ego masing-masing (menegakkan benang basah) tetapi lebih cenderung ke arah melahirkan kesempurnaan dan kebaikan untuk anak buah. Keputusan musyawarah harus diterima oleh semua pihak yang terlibat dengan baik. Baik dalam erti kata, tidak ada antara ahli yang berkecil hati atas keputusan tersebut. Pihak yang

‘menang’ tidak harus berasa megah dan angkuh manakala pihak yang ‘kalah’ pula tidak harus berasa hina atau dihinakan. Justeru itu, sifat toleransi perlu diamalkan oleh pemimpin agar sifat ini pula akan tertanam dan disemai dalam jiwa anak-anak buah kerana Adat Perpatih menghendaki kesejahteraan dan keharmonian hidup pengamalnya ditegakkan atas dasar kebenaran.

Melihat kepada ciri-ciri dan konsep kepimpinan yang diatitkan maka jenis pemimpin yang dikehendaki oleh Adat Perpatih ialah pemimpin yang mengutamakan keputusan bersama dengan ahli-ahli kumpulan. Dalam hal ini pemimpin akan menyampaikan kritikan dan pujian secara objektif. Kalaupun keputusan perlu dibuat sendiri, ia akan memberikan sebab-sebab mengapa tindakan itu diambil. Dari segi stail dan gaya pemimpin yang dikehendaki oleh Adat Perpatih ialah jenis *demokratik*².

Kewajipan Ketua-ketua Adat

Pemimpin adat adalah andika kepada anak buahnya dan mempunyai pelbagai fungsi. Antara fungsi tersebut ialah:

1. ketua dan pemimpin
2. hakim dan pendamai
3. peguam dan pembela bagi pihak anak buah apabila berhadapan dengan orang luar
4. pengembala yang sentiasa aktif atau tidak duduk diam dalam menjaga kepentingan dan keselamatan anak buah
5. menerima orang luar di rumah telapak atau rumah pusaknya
6. di rumah isteri kedudukannya sama dengan orang semenda lain.

“Hutang” pemimpin adat

Sebagai seorang pemimpin, pembesar adat dikatakan sebagai orang yang mempunyai “hutang” yakni bertanggungjawab dan berkewajipan. Hutang ini harus diingatnya sepanjang waktu. “Hutang” ini tersirat dalam perbilangan:

*Kayu godang di tongah padang,
Urek e tompek boselo,
Batang e tompek besanda,
Daun e tompek berlindung.*

Maksud perbilangan ini ialah sebagai seorang pemimpin, ketua-ketua adat harus memelihara keselamatan dan kesejahteraan anak buahnya sesuai dengan hukum serta kelaziman yang dikatakan dalam Adat Perpatih sebagai: adat nan sebenar adat, adat nan diadatkan, adat nan teradat dan adat istiadat.

Hutang pemimpin adat itu diselesaikan oleh anak buahnya seperti kata perbilangan:

*Lembaga ke pintu hutang,
Anak buah ke pintu bayar.*

Maksudnya hutang yang menjadi tanggungjawab dan kewajipan pemimpin adat harus dibayar oleh anak buah iaitu dengan menjaga nama baik pemimpin mereka.

Pembesar adat mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) jenis hutang yang harus diingatnya selalu, iaitu:

1. *alur dan patut* – *alur* adalah garis kebijaksanaan menurut hukum dan yang dimaksudkan dengan *patut* adalah harus melaksanakan sesuatu hukum pada situasi dan keadaan yang tepat.
2. *jalan nan pasa* – bermaksud ketentuan hukum atau tindakan yang dilakukan haruslah berdasarkan keadaan atau janji yang mengikat.
3. *harta dan pusaka* – bermaksud harus menjaga, memperbaiki dan membangunkan kemakmuran warisan dan kehormatan kelompok kekeluargaan yang dipimpinnya.
4. *anak buah* – bermaksud pemimpin adat harus mengenal, menjaga dan membangunkan seluruh ahli kelompok pimpinannya.

Tugas dan tanggungjawab pemimpin Adat Perpatih

Tugas pemimpin bergantung kepada peringkat yang dipimpinnya iaitu Kadim di peringkat rumpun, Besar di peringkat ruang, Buapak di peringkat perut dan Lembaga di

peringkat suku. Secara umum tugas pemimpin boleh di kategorikan kepada dua iaitu tugas ke dalam dan tugas ke luar. Tugas ke dalam bermaksud mengawasi segala aktiviti kelompok pimpinannya termasuk harta pusaka, menjaga dan menyelesaikan masalah anak buah. Sementara tugas ke luar menghendaki pemimpin-pemimpin tersebut mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok lain. Mereka berkewajipan mengemukakan, mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompok mereka.

1. **Kadim**

Kadim atau Tua Waris atau Tua Rumpun ialah ketua bagi kelompok kekeluargaan rumpun. Kadim bertanggungjawab ke atas segala kebaikan dan keburukan dalam hal-hal yang berkaitan dengan rumpunnya. Dari segi politik, Kadim tidaklah sepenting ketua-ketua adat yang lain, namun dia tetap menjadi pemimpin penting dalam kegiatan sosial dan juga ekonomi kelompoknya. Antara lain fungsi dan tanggungjawab beliau ialah:

1. Memimpin dan mengatur upacara-upacara dalam kelompoknya.
2. Bertindak sebagai orang tengah dalam sebarang konflik di kalangan ahli rumpunnya.
3. Memastikan ahli rumpunnya hidup dalam keadaan harmoni, aman dan damai.
4. Mewakili kelompoknya dalam sebarang aktiviti luar rumpunnya.
5. Mewakili kelompoknya dalam proses pemilihan ketua-ketua adat lain di dalam kelompok kekeluargaannya yang lebih besar – ruang, perut dan suku.
6. Kuasa dan kewibawaan Kadim adalah:

*Memusat dari bumi dipijakkan,
Gugur dari langit ditampung.*

2. **Besar**

Besar atau Tua Ruang dipilih oleh anak buah dan ahli-ahli rumpun dan ruang untuk mewakili kepentingan kelompok kekeluargaannya. Jawatan ini membawa gelar tertentu dan diberi panggilan *Tuk*. Besar mempunyai tanggungjawab:

Kusut menyelesaikan,

*Keruh menjernihkan,
Cicir memungut,
Hilang mencari.*

Dengan perkataan lain, Besar mempunyai kuasa yang terbatas dan hanya boleh menyelesaikan pergaduhan kecil di kalangan anggota ruang. Antara tugas Besar yang lain ialah:

1. Bekerjasama dengan Kadim menguruskan kegiatan sosial, ekonomi dan budaya kelompok rumpun dan ruang.
2. Membantu Buapak menjalankan tugas dan tanggungjawab pentadbiran di peringkat ruang.
3. Menyekat Buapak, jika perlu, daripada melakukan kegiatan yang melanggar peraturan adat.
4. Mewakili Buapak dalam upacara kurang penting dalam perut dan suku.
5. Menjadi orang perantaraan antara anggota ruang dengan Buapak.
6. Di balai Lembaga, Besar menjadi pegawai Lembaga. Beliau ialah penyelaras bagi pihak Lembaga dalam upacara adat dan pembayaran denda semasa menyelesaikan semua jenis perkahwinan tidak lazim melainkan bentuk *menyerah*.
7. Dalam menjalankan tugas pentadbiran, Besar boleh mengenakan denda yang tidak melebihi tiga rupiah, iaitu lebih kurang RM1.80.
8. Namun, seandainya lahir anak luar nikah di kalangan anggota ruang, Besar pula akan didenda.
9. Besar boleh dipecat oleh anak buah seandainya beliau melakukan kesalahan tertentu.

Di Luak Tanah Mengandung, selain menjadi pemimpin ruang, ada juga Besar yang menjadi pegawai dalam istana Seri Menanti. Dalam istana mereka di kenali sebagai *Pegawai 99*. Sebagai Pegawai 99 mereka mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab yang tertentu pula.

3. Buapak

Buapak ialah ketua kelompok kekeluargaan perut. Mertabat Buapak ialah *Sepohon berangan yang tumbuh di lepan*. Bidang kuasa Buapak adalah ke atas segala kesalahan yang merosakkan kedamaian perutnya, termasuk pergaduhan yang dikatakan sebagai:

*Luka, cungit;
Pecah berdarah.*

Dalam kes terakhir ini, beliau hanya berkuasa ke atas luka-luka yang terkena pada bahagian badan yang tertutup oleh pakaian. Kejadian-kejadian yang melibatkan patah atau cacat anggota adalah di luar bidang kuasa Buapak untuk menyelesaikannya.

Sebagai ketua perut, Buapak memainkan pelbagai peranan. Antaranya ialah:

1. Menjaga kepentingan, keharmonian dan pembangunan anak buah dalam perutnya.
2. Menerima laporan daripada Besar tentang anak buah masing-masing dan bertindak sejajar dengan kehendak dan keperluan.
3. Membantu Lembaga mentadbirkan anak buah dalam lingkungannya.
4. Melaporkan kepada Lembaga segala apa yang berlaku dalam perutnya.
5. Menjalankan adat istiadat berkaitan dengan pertunangan, perkahwinan, dalam upacara bercukur, bersunat (berkhatan), bertindik dan juga segala upacara lain yang melibatkan penyembelihan seekor kambing, sebagai kata perbilang:

*Aturan Buapak dalam anak buahnya,
Seekor kambing adatnya,
Tilam bujur, bantal bersusun;
Tabir terpasang,
Langit-langit terbentang,
Rebana dipukul, inai ditarikan,
Buapak seadat dengan Besar.*

6. Beliau ialah wakil kelompok perut dalam segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal anak buahnya.
7. Mewakili apabila diberi mandat oleh ahli perutnya untuk memilih dan melantik Lembaga.

8. Menjadi orang tengah dalam sebarang konflik di kalangan anggota perutnya atau dengan antara anak buahnya dengan orang luar.

Rumusan yang dapat disimpulkan tentang kepimpinan ketiga-tiga pembesar adat dalam tiga peringkat ini ialah:

- ❖ ketiga-tiga pembesar adat itu khususnya Kadim, diikuti oleh Besar dan Buapak adalah pelaksana keseluruhan sistem Adat Perpatih itu.
- ❖ memastikan setiap elemen dan komponen adat itu berjalan dengan lancar.
- ❖ memastikan yang setiap aktiviti di kalangan anak buah memberi faedah, kebaikan dan kemajuan serta keharmonian kepada kelompok-kelompok rumpun, ruang, perut dan seterusnya kepada suku.

3a. Penolong Buapak

Pusaka ini tidak wujud dalam semua luak Adat Perpatih. Pusaka ini hanya wujud di Luak Ulu Muar. Tugas mereka adalah membantu Buapak mentadbir dan melaksanakan aturan adat di kalangan anak buah. Beberapa orang daripada penolong Buapak ini juga bertugas sebagai Pegawai 99 istana. Justeru itu mereka seperti juga beberapa orang Besar suku di Luak Tanah Mengandung turut terlibat dalam hal ehwal istana.

4. Lembaga

Lembaga ialah ketua kelompok kekeluargaan suku. Pusaka ini mempunyai gelaran tertentu dan dipanggil *Datuk*. Seorang Lembaga akan menyandang pusaka itu untuk seumur hidup, tetapi dia boleh dipecat, seperti kata perbilangan: *Bulat Buapak boleh memecat dan menjadikan Lembaga*, jika dia melakukan salah satu atau lebih kesalahan berikut:

*Melindungi, mengendapkan;
Pecah, menghilangkan;
Mencacatkan,
Terkurung mati.*

Lembaga hanya memerintah suku dan Buapak serta Besar yang memerintah anak buah. Peraturan ini termaktub dalam perbilangan:

*Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku berlembaga,
Anak buah berbuapak.*

Sebagai pemerintah suku, tanggungjawab seseorang Lembaga itu pelbagai.

Antaranya ialah:

1. Bertanggungjawab terhadap kebajikan ahli-ahli suku. Dalam menjalankan tugas ini beliau dibantu oleh Buapak dan Besar.
2. Menerima laporan Buapak tentang segala yang berlaku dalam perut masing-masing dan bertindak mengikut wajarnya.
3. Mengawas penggunaan dan kemajuan tanah di kalangan anggota sukunya.
4. Bertanggungjawab melaporkan perkara yang timbul dalam suku kepada Undang atau Penghulu sekiranya beliau tidak dapat atau di luar kuasanya untuk menyelesaikan kerana kuasa Lembaga dikatakan sebagai *tersekat* sebagaimana yang tergambar dalam perbilangan:

*Pusaka lembaga bersekat,
Lembaga berlingkungan,
Tali pengikat pada Lembaga,
Kata pemutus pada Lembaga,
Sah batal pada Lembaga.*

5. Antara perkara yang boleh diputuskan oleh Lembaga ialah:
 - ❖ Perkara-perkara seperti *membutakan mata*, *mematahkan tulang*, dan *memutuskan urat* dan *luka* yang di luar bidang kuasa Buapak.
 - ❖ Dalam aspek menghukum, Lembaga boleh menghukum setakat RM7.20 sahaja.
 - ❖ Beliau berkuasa mengukur tanah, memancang sempadan dan melihat wang berpindah tangan serta mendapat bahagian yang dinamakan *adat tukul lantak*.
 - ❖ Beliau berkuasa untuk mengakokkan atau mengompokkan atau memberikan tanah yang terbiar kepada anggota rumpun lain di dalam suku yang sama. Ini hanya boleh dilakukan setelah Buapak, Besar dan Kadim gagal menasihati anak buah berkenaan

mengusahakan tanahnya. Hak ini adalah lanjutan daripada tugas Lembaga sebagai pengawas penggunaan tanah suku (lihat 3 di atas). Perpindahan ini hanya boleh dilakukan selepas diadakan istiadat berkampung dengan dipengerusikan oleh Lembaga dan dihadiri oleh kesemua ahli perut dan suku.

6. Lembaga harus hadir di balai Undang atau Penghulu apabila dipanggil untuk membincangkan masalah luak.
7. Lembaga terlibat dalam upacara adat di balai Undang atau Penghulu.
8. Lembaga juga harus hadir dalam majlis anggota suku apabila ahli berkenaan menyembelih kerbau atau lembau.

Beberapa orang Lembaga Luak Tanah Mengandung, selain bertanggungjawab ke atas kesejahteraan, kemajuan dan perkembangan suku masing-masing, juga adalah pegawai dalam istana Seri Menanti. Sebagai pegawai adat dalam istana mereka mempunyai fungsi dan tugas khusus yang perlu dilaksanakan pada masa dan keadaan tertentu.

Rumusan yang dapat diutarakan tentang peranan, tanggungjawab dan fungsi Lembaga dalam masyarakat Adat Perpatih ialah:

1. hakim dan pengantara yang berkaitan dengan hal-hal peribadi, kekerabatan dan masalah setempat yang melibatkan anggota sukunya.
2. simbol atau lambang kekuatan aturan adat (adat nan sebanar adat, adat nan teradat, adat nan diadatkan dan adat istiadat) dan sistem hak milik tanah pusaka suku yang menjadi tunjang kepada aturan itu.
3. tunggak penyokong dan penjaga keberkesanan, kemajuan dan kesinambungan sistem Adat Perpatih.

Pantang pemimpin adat

Sebagai ahli masyarakat atau ahli kelompok suku, perut, ruang dan rumpun, apa yang tidak boleh dilakukan oleh anak buah juga tidak boleh dilakukan oleh pemimpin adat.

Bahkan hukum kesalahan ketua adat adalah lebih berat jika dibandingkan dengan kesalahan yang sama dilakukan oleh anak buah. Justeru itu pemimpin adat mempunyai pantang larang yang harus dipatuhinya sepanjang waktu. Antara pantang larang tersebut adalah:

1. *memerahkan muka* – sikap yang mengikut emosi atau tidak mampu mengendalikan perasaan.
2. *mengherdik menghentam tanah* – sikap pamarah atau pemaki dan penggertak.
3. *menyingsing lengan baju* – melakukan pekerjaan kasar seolah-olah tidak mempunyai sumber hidup atau tidak ada yang mahu membantunya.
4. *berlari-lari* – sikap terburu-buru seperti pencemas atau tidak tabah dan penakut.
5. *memanjat-manjat* – tingkah laku keanak-anakan atau kebudak-budakan.
6. *menjunjung atas kepala* – meletakkan beban di kepala seolah-olah mengambarkan tugas kepalanya untuk meletakkan benda, bukan untuk berfikir.

Perangai pemimpin adat

Sebagai manusia biasa, pemimpin adat mempunyai kelemahan yang berpunca daripada tingkah laku dan watak peribadinya. Sebagai memperingatkan supaya pemimpin adat menghindari kelemahan-kelemahan yang merugikan anak buah dan dirinya, adat menimbulkan sekurang-kurangnya enam (6) perangai pemimpin iaitu:

1. *pemimpin nan di tanjung* – sikap yang suka mengelakkan tanggungjawab.
2. *pemimpin ayam jantan* – pemimpin yang hanya pandai bercakap tetapi tidak membuat kerja.
3. *pemimpin belah buluh* – pemimpin yang tidak adil.
4. *pemimpiin ketuk-ketuk* – pemimpin yang tidak mempunyai inisiatif; bertindak hanya setelah ditekan atau tertekan.
5. *pemimpin tupai tua* – pemimpin yang tidak berusaha kerana takut salah atau tidak percaya pada kemampuan diri sendiri.

6. *pemimpin busuk hancing* – pemimpin yang membawa keresahan atau kekecohan ke mana sahaja ia pergi dan berada.

Perubahan Pemimpin dan Kepimpinan

Penguatkuasaan pemerintah kolonial Inggeris ke atas Negeri Sembilan yang bermula pada tahun 1874 di Sungai Ujung (Seremban) dan berakhir di Rembau pada tahun 1898, telah merubah secara kritikal organisasi dan struktur politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih. Secara kronologi perkembangan ini dapat dilihat sebagai:

1. Inggeris telah menghakis dan menolak keberfungsian sistem Adat Perpatih yang berbentuk perwakilan berdasarkan kelompok-kelompok kekeluargaan. Kuasa dan kewibawaan pemimpin adat telah dibayangi dan diganti dengan jentera pentadbiran yang baru.
2. Pada sekitar tahun 1940-an wujud pula satu lagi pemimpin di kalangan masyarakat adat iaitu pemimpin politik. Walaupun pemimpin politik tidak terlibat secara langsung dalam sistem pentadbiran kerajaan namun memberi satu jenis kepimpinan moden yang berpengaruh dan mendapat tempat dalam masyarakat. Status dan kedudukan mereka ini bertambah teguh selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka. Beberapa pemimpin adat terlibat dalam kepimpinan politik ini tetapi premis perjuangan mereka bukan politik adat tetapi politik negara. Mereka lalai dan tidak sedar bahawa kedudukan mereka sebagai pemimpin adat semakin diketepikan. Justeru itu mereka tidak langsung bertindak untuk memperjuangkan dan mempertahankan diri sebagai pemimpin adat.
3. Selepas merdeka telah wujud pula satu lagi kepimpinan di kalangan rakyat iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Sekali lagi pemimpin-pemimpin adat diketepikan walhal tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh JKKK itu adalah tugas dan tanggungjawab pemimpin-pemimpin adat sebelum mereka.

Dalam tempoh masa tidak kurang daripada 100 tahun ini kesinambungan perjalanan Adat Perpatih itu telah mula meluntur. Di antara awal hingga pertengahan abad ke-20 sistem nilai masyarakat Adat Perpatih secara beransur telah diubah iaitu daripada sistem yang mengutamakan semangat bersepadu, berjiran dan bekerjasama kepada semangat individualisma. Menjelang akhir abad ke-20 proses pensosialisasian Adat Perpatih itu boleh dikatakan terhenti langsung. Apa yang tinggal ialah rangka kasar sahaja yang dilambangkan oleh perebutan untuk menyandang pusaka dalam suku yang pada hakikatnya tidak memberi apa-apa erti – tiada kuasa dan tidak mendapat sebarang ganjaran.

Dilema pemimpin adat kini

Pemimpin adat adalah *orang bergelar* dan gelarannya sungguh hebat serta mengagumkan bila dilafazkan dan/atau didengar. Di lihat dari segi lain keadaan mereka adalah sebaliknya. Antara yang mengecewakan ialah:

1. Dari segi status dan kuasa mereka, melainkan pusaka Penghulu dan Undang serta beberapa jawatan adat tertentu, berbanding dengan pemimpin baru (pegawai kerajaan dan pemimpin politik memerintah), tidak mempunyai apa-apa.
2. Kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kefahaman yang mendalam tentang sistem Adat Perpatih itu terutama sekali yang tersirat.
3. Berikutan dengan itu, kebanyakan pemimpin adat kurang jelas tentang peranan dan tanggungjawab global mereka terhadap anak buah sebagai pemimpin adat dalam erti kata sebenarnya.
4. Kalaupun mereka mahu menjadi pemimpin yang baik dan dinamik serta mahu terlibat secara aktif membangunkan anak buah, kampung dan daerah (luak?), namun mereka tidak mempunyai kuasa dan pengaruh kerana mereka tidak bertempat, tidak mempunyai “hubungan” tertentu dan pengaruh dalam struktur organisasi pentadbiran serta politik hari

ini. Tambahan pula mereka tidak mempunyai dasar ekonomi (*economic base*) yang kuat dan kukuh; sedangkan keadaan persekitaran hari ini semua diukur dengan duit.

5. Pegawai kerajaan pula sering memperlekehkan pemimpin-pemimpin adat dan jarang yang memberikan penghormatan yang sewajarnya.
6. Di kalangan pemimpin-pemimpin adat sendiri tidak ada kesatuan, kemuafakatan dan kebulatan dalam tindak tanduk mereka. Kebanyakan mereka hanya ingin melepaskan pucuk masing-masing dalam menghadapi cabaran dunia hari ini.
7. Anak buah memandang rendah terhadap pemimpin-pemimpin adat.

Demikian sebahagian daripada faktor-faktor yang membuatkan pemimpin-pemimpin adat hari ini berada dalam dilema dan serba-salah. Dilema ini pula menimbulkan kekecewaan di jiwa mereka. Oleh sebab demikian keadaannya bagaimana mungkin pemimpin-pemimpin adat itu boleh menjalankan peranannya secara baik seperti yang diharapkan dan dijangkakan oleh semua pihak?

Penutup - Adat Perpatih Hari Ini

Daripada huraian di atas dan seperti diketahui umum, pemimpin-pemimpin adat masih wujud dalam masyarakat Adat Perpatih. Kehadiran mereka menandakan bahawa Adat Perpatih itu masih wujud. Tetapi banyak persoalan yang harus dicari jawapan. Antara persoalan yang saya anggap utama dan mendesak ialah:

1. sejauh mana kekuatan pemimpin-pemimpin adat masih berfungsi dalam melaksanakan lunas-lunas yang telah digariskan oleh sistem Adat Perpatih?
2. sejauh mana “isi” Adat Perpatih itu khususnya adat nan sebenar adat, adat nan teradat, adat nan diadatkan dan adat istiadat itu masih diamalkan?
3. sejauh mana anak buah mahu mendengar kata, nasihat dan pendapat pemimpin-pemimpin adat?

Adat Perpatih pada hari ini jika dikaji dan diteliti secara mendalam tinggal kerangkanya sahaja. Adat Perpatih dalam kebanyakan kes sama seperti masjid tinggal. Kerangka bangunan masih ada. Sejadah, kitab-kitab, al-Quran, perkakas dan peralatan lain yang perlu untuk beribadat masih ada dalam masjid berkenaan; tetapi telah usang dan reput. Keusangan dan kereputan perkakas dan peralatan itu bukan kerana sentiasa digunakan sebagaimana sepatutnya; tetapi kerana terbiar dan tidak dipakai. Hatta dalam menyebut keadaan ‘terbiar’ ini maka perlu juga disebut tentang dua lagi harta utama Adat Perpatih yang turut terbiar, yang pada satu masa dahulu menjadi tempat *bumi dipijak*, dan *langit dijunjung* iaitu tanah dan rumah pusaka. Seandainya dua harta kebendaan utama adat ini turut terbiar, maka tidak hairanlah “isi” Adat Perpatih yang tidak mempunyai nilai RM itu menjadi lebih terbiar.

Jelaslah bahawa Adat Perpatih hari ini berada pada tahap pengamalan yang paling minima. Malahan dapat dikatakan bahawa daripada segi amalan, pola dan cara kehidupan, baik seharian mahu pun dalam upacara (adat istiadat) tertentu, antara masyarakat Adat Perpatih dengan masyarakat Melayu bukan Adat Perpatih, tidak menampakkan sebarang perbezaan atau kelainan. Dengan kata lain, tidak ada lagi keunikan budaya adat orang Negeri Sembilan. Walaupun demikian, keadaannya daripada segi struktur masih wujud dan dalam minda anak buahnya, pada aspek-aspek tertentu (bila ditanya tidak tahu aspek apa!), terutama sekali di kalangan segelintir pemimpin adat, ia masih sensitif. Kesensitifan inipun telah hampir hilang langsung.

Akhir kata:

*Kalau adat jarum yang patah,
Usah diletak dalam peti,
Letak sahaja di pematang,
Boleh dibuat pencungkil duri;
Kalau ada kata yang salah,
Usah diletak dalam hati,
Letak sahaja di belakang,
Jangan menjadi umpat keji.*

Nota belakang

¹ Untuk perbincangan lanjut tentang 'kualiti pemimpin adat' sila lihat Norhalim Hj. Ibrahim, "Peranan Pemimpin dalam Adat Perpatih", *Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*, 20, 1997:11-18.

² Kepemimpinan dalam masyarakat menurut Hisham al Talib (1992:56) berdasarkan stail dan gaya boleh diklasifikasikan kepada sekurang-kurangnya empat jenis iaitu:

1. **Autokrat.** Pemimpin jenis ini kurang mempercayai ahli-ahli kumpulannya. Biasanya pemimpin jenis ini mahu perintah yang dikeluarkannya dilaksanakan tanpa sebarang persoalan. Beliau hanya mempercayai ganjaran berupa kebendaan sahaja yang akan dan boleh mendorong pengikutnya bertindak.
2. **Benevolent autokrat.** Kepimpinan jenis ini lebih menitikberatkan perhatian-perhatian kepada pengikut-pengikutnya. Pemimpin jenis ini sering bertanggung bahawa ia seorang yang demokratik dan sentiasa membuat keputusan sendiri.
3. **Demokratik.** Kepimpinan ini mengutamakan suatu keputusan bersama dengan ahli-ahli kumpulan. Beliau akan menerima dan menyampaikan kritikan dan pujian secara onjektif. Kalaupun keputusan perlu dibuat sendiri, beliau akan memberikan sebab mengapa tindakan itu diambil.
4. **Laissez-faire.** Pemimpin jenis ini tidak mempunyai keyakinan terhadap kepemimpinan sendiri, malah kadang kala ia tidak dapat menetapkan matlamat untuk kumpulan.

Bibliografi

Hashim al Talib. *Panduan Latihan bagi Petugas Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprises. 1992.

Norhalim Hj. Ibrahim. "Social Change in Rembau". *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*. 50(2):136-49. 1977.

Norhalim Hj. Ibrahim. "Some Observations on Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan". *Tonan Ajia Kenykyu (Southeast Asian Studies)*. 26 (2):150-65. 1988.

Norhalim Hj. Ibrahim. "Vanishing Culture of Adat Perpatih". dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (ed.). *Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan, Malaysia*. Kuala Lumpur: Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. 1992.

Norhalim Hj. Ibrahim. *Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1993.

Norhalim Hj. Ibrahim. "Perkembangan dan Perubahan Adat Negeri Sembilan". dalam Wan Abdul Kadir dan Zainal Abidin Borhan (ed.). *Fenomena 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. 1993.

Norhalim Hj. Ibrahim. "Peranan Kepimpinan dalam Adat Perpatih". *Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*. Bil. 20:7-42. 1997.

Norhalim Hj. Ibrahim. "Peranan Institusi Adat di dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah Terbiar". *Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*. Bil. 21: 7-26. 1998.